

'Ucapan Dr M satu peringatan'

By Zulaz

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung bangsa Yahudi pada Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) baru-baru ini, adalah peringatan kepada umat Islam bagaimana mereka harus bertindak terhadap peranan bangsa itu dan tidak sama sekali bersifat anti-Yahudi.

Perdana Menteri berkata, ucapan Dr Mahathir adalah jelas dan tidak bersifat anti-Yahudi atau anti-Semitik seperti yang diputar belitkan oleh media asing tetapi lebih kepada perlunya umat Islam memperlengkap diri bagi menghadapi cabaran semasa.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, kenyataan Dr Mahathir itu adalah pendirian OIC kerana Malaysia selaku pengerusi pertubuhan itu.

"Ucapan Dr Mahathir itu cuba menjelaskan kepada kita apa yang umat Islam patut lakukan dan ia tidak sama sekali bersifat anti-Yahudi," katanya ketika mengulas kenyataan Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) yang jabatan itu sedang tunggu dan lihat sikap kepimpinan baru yang diterajui Abdullah sebelum menarik balik bantuan latihan ketenteraan negara itu kepada Malaysia.

"Reaksi itu timbul mungkin kerana pihak berkenaan tidak memahami sepenuhnya ucapan beliau (Dr Mahathir) ketika menjelaskan perkara itu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Sebelum ini, Senat Amerika Syarikat (AS) mahu menghentikan bantuan dan latihan ketenteraan AS bernilai RM4.5 juta (AS\$1.2 juta) kepada Malaysia berikutan ucapan Dr Mahathir itu.

Berikutan itu, Jabatan Negara Amerika Syarikat pula mahu tunggu dan lihat terhadap sikap Abdullah selaku Perdana Menteri baru Malaysia sebelum menghentikan bantuan berkenaan.

Dr Mahathir dalam ucapannya pada sidang kemuncak OIC di Putrajaya baru-baru ini, antara lain berkata: "Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka."

Sehubungan itu, Abdullah mahu umat Islam tidak bertindak secara konfrontasi kepada mana-mana pihak termasuk Yahudi tetapi mahu mereka memahami keadaan dan situasi yang berlaku.

"Pada pandangan saya apa juga masalah yang timbul antara umat Islam, perkara yang utama mereka patut lakukan adalah mengelak konfrontasi dan sentiasa memahami punca keadaan yang berlaku," katanya.